

'Wujud rangkaian lebih erat segarkan kegiatan sukan'

PM minta KBS, KPM, KPT perkasa aktiviti di institusi pendidikan lahir generasi cergas

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pendidikan (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mewujudkan rangkaian yang lebih erat supaya kegiatan sukan di institusi pendidikan dan komuniti dapat lebih disegarkan.

Menerusi kerangka MADANI, Perdana Menteri berkata, kerajaan mahu melahirkan generasi muda yang cergas dan sihat, justeru semua aspek kesukanan, seperti olahraga dan sukan lain dianggap penting bagi merealisasikan hasrat itu.

"MADANI hanya akan berkembang jika rakyat itu diperkasakan, bukan kerajaan diperkasakan. Rakyat diperkasakan dalam pelbagai bidang, pekerjaan, ekonomi dan utamanya, kesihatan.

"Saya berharap persatuan su-



Anwar bersama Hannah, Mohd Zuki (tiga dari kanan), Razarudin (dua dari kiri) dan Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Adam Adli (dua dari kanan) melancarkan Hari Sukan Negara (HSN) 2023 di Dataran Putrajaya, semalam.

(Foto Saifullizan Tamadi/BH)

kan, malah kelompok anak muda keseluruhannya seperti sekolah dan universiti (dapat merealisasikan) dan sebab itu saya harap ada jaringan antara Menteri KBS, KPM dan KPT," katanya berucap melancarkan Hari Sukan Negara (HSN) 2023 di Dataran Putrajaya di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, dalam Belanja-

wan 2024 yang dibentangkannya kelmarin, ada beberapa perkara yang dituntut dalam bidang sukan selama puluhan tahun dibentangkan, sama ada kegiatan sukan secara umum, sukan dalam kalangan orang kurang upaya (OKU) atau pelepasan cukai.

Tambah dana Rakan Muda

Malah, beliau turut menambah peruntukan bagi program Rakan Muda supaya generasi muda cergas dalam semua bidang.

"Rakyat di bawah mahukan

keamanan, menerima kenyataan kepelbagaian di negara kita dan antara kegiatan utama yang kita galakkan adalah kegiatan sukan.

"Kita mahu kita menang. Tidak kira nama dia apa, tapi dia anak muda Malaysia catat kemenangan hebat, itu cita-cita kita," katanya.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut melepaskan peserta larian dan berbasikal Fit Malaysia, yang diadakan sempena HSN 2023.

Kira-kira 30,000 orang me-

nyertai HSN 2023 di Putrajaya dan menyasarkan 4.5 juta penyertaan di seluruh negara, melalui penganjuran 66 acara dan aktiviti sukan serta rekreasi selama tiga hari, bermula kelmarin.

HSN disambut setiap tahun pada Sabtu minggu kedua Oktober, bertujuan membudayakan dan merakyatkan sukan dalam kalangan masyarakat menerusi amalan gaya hidup cergas dan aktif selaras dengan kerangka Malaysia MADANI dan Visi Sukan Negara 2030.